

Menuju Menara Gading



Shahputra tawar program Sains Kesihatan

Permintaan tenaga pakar dalam bidang berkaitan teknologi perubatan semakin meningkat

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani
bhnews@bharian.com.my

KOLEJ Shahputra mewarkan program Sains Kesihatan berdasarkan perkembangan pesat teknologi perubatan, pertambahan hospital kerajaan dan swasta, berikutan permintaan pakar bidang berkaitan semakin meningkat.

Pengerusi Eksekutif Kolej Shahputra, Datuk Azman Zaini Abdul Ghanie, berkata pihaknya menerima peningkatan jumlah pelajar terutama lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mengikuti program berkenaan.

"Sambutan yang menggalakkan itu didorong kejayaan dan pencapaian pelajar kolej yang dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan."

"Apatah lagi, program yang dijalankan adalah program kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu Universiti Putra

Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM)," katanya.

Beliau berkata, Kolej Shahputra turut menawarkan tiga program sendiri iaitu Diploma Kejururawatan, Diploma Farmasi dan Diploma Teknologi Makmal Perubatan.

Beliau berkata, struktur program Sains Kesihatan yang ditawarkan dirangka dengan mengambil kira penetapan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bahawa sesuatu permohonan perlu mempunyai komponen latihan kemahiran yang mencukupi.

Beliau berkata, objektif utama Kolej Shahputra mengadakan program Diploma Kejururawatan adalah untuk menampung keperluan jururawat supaya memiliki kemahiran optimum di hospital kerajaan mahupun klinik pada masa hadapan.

“Terdapat juga program A-Level di mana pelajar berpeluang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Perubatan) di United Kingdom, Australia dan India”

Azman Zaini Abdul Ghanie
Pengerusi Eksekutif
Kolej Shahputra

Selain itu, katanya, Kolej Shahputra juga menyediakan pendidikan asas kejururawatan seiring keperluan semasa yang membolehkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah atau peringkat lebih tinggi.


Diploma Farmasi pula me-

ngambil kira bagaimana menyedia dan mengenal pasti jumlah ubat yang diperlukan pesakit serta mampu memberi penerangan dan maklumat mengenai ubat-ubatan.

Diploma Teknologi Makmal Perubatan pula adalah cabang Sains Kesihatan meliputi kaedah diagnosis, rawatan dan pencegahan penyakit melalui sampel cecair atau tisu badan, darah, pengiraan sel dan sebagainya menerusi ujian klinikal.

Syarat kemasukan antara diploma Kolej Shahputra dan Diploma UTM memerlukan sekurang-kurangnya tiga kredit manakala diploma UPM dan UiTM sekurang-kurangnya lima kredit pada peringkat SPM.

Pendaftaran terbuka akan diadakan pada 25 Mei ini dan pelajar berminat boleh hubungi Jabatan Pemasaran di talian 03-5737777 atau layari laman web www.kolejshahputra.edu.my.



STRUKTUR program Sains Kesihatan dirangka Shahputra dengan mengambil kira penetapan daripada KKM dan MQA.